

Mitologi Tentang Makhluk *Supernatural* Dalam Kalangan Etnik-Etnik di Daerah Pitas Sabah: Tinjauan Menurut Perspektif Islam

Khairulnazrin Nasir
Ishak Suliaman

Department of the Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya
Tel: +60133242865, E-mail: khairulnazrin19@gmail.com

Abstrak

Mitologi adalah suatu domain yang wujud dan menjadi kelaziman dalam mana-mana budaya, bangsa, etnik dan komuniti di seluruh dunia. Skalanya menjangkau alam nyata, sehingga ke alam ghaib. Entiti signifikan dalam mitologi antaranya adalah makhluk *supernatural*. Etnik dan bangsa di negara ini turut memiliki mitologi tentang makhluk *supernatural*, termasuklah etnik-etnik peribumi yang beragama Islam di daerah Pitas, Sabah. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti mitologi tentang makhluk *supernatural* yang terdapat dalam kalangan mereka. Kaedah pengumpulan data adalah menggunakan metode temu bual. Seramai tujuh orang informan telah dipilih, yang terdiri daripada kalangan tokoh-tokoh masyarakat tempatan. Hasil penelitian menunjukkan bahawa mitologi tentang makhluk *supernatural* banyak dipengaruhi oleh kepercayaan animisme. Hal ini mendorong segelintir anggota masyarakat terlibat dengan perkara syirik, khurafat dan tahayul, seperti ritual pemujaan dan *black magic*. Justeru, perkara ini perlu diberi perhatian oleh setiap pihak, khususnya jabatan agama, dan pendakwah, demi menjaga kelestarian akidah yang sah dalam kalangan masyarakat.

Kata Kunci: Mitologi, *Supernatural*, Animisme, Pitas Sabah, Akidah

Abstract

Mythology is a domain that exists as a norm in any cultures, races, ethnics and communities in the world. It involves the seen and the unseen

world. A significant entity in mythology is supernatural beings. Ethnics and races in Malaysia also believe in supernatural beings including native tribes in Pitas district, Sabah who are Muslims. Therefore, this research was conducted to identify mythology of supernatural beings in their community. The data collection method used was interview. Seven respondents were selected among the community leaders. Findings showed that mythology of supernatural beings was influenced by animism. As a result, some community members involve in shirk, superstition, worshipping rituals and black magic. Thus, this issue should be taken into consideration by authorities especially Islamic Religious Departments and preachers in order to protect the aqidah among the society.

Keywords: Mythology, Supernatural, Animism, Sabah Pitas, Cause

Pendahuluan

Mitologi adalah istilah yang merujuk kepada kajian dan himpunan mitos, legenda, cerita tradisional rakyat yang wujud dalam sesebuah komuniti (Kirk, G.S, 1973: 8). Mitologi bukan hanya terdapat dalam sesuatu kelompok tertentu, malah ia bersifat universal. Rata-rata masyarakat di dunia memiliki cerita dari masa silam, dan diwarisi secara turun-temurun, kepada generasi terkemudian, tanpa menitik beratkan soal kesahihan dan kebenarannya. Isi kandungannya memperkatakan tentang asal kejadian manusia, kosmologi alam, kepahlawanan, keluhuran nenek moyang dan kemuliaan sesuatu suku dan bangsa. (Kirk, G.S. 1984, 57, Kirk, G.S, 1973: 74 dan Simpson, 1976: 3).


Dalam pada itu, mitologi turut memperkatakan tentang entiti ghaib yang dikenali sebagai makhluk *supernatural*. Makhluk ini dipercayai wujud dalam dimensi yang berlainan dan tidak tertakluk kepada kanun fizik manusia (Partridge, Kenneth, 2009). Walau bagaimanapun, ia dianggap mampu mempengaruhi kehidupan manusia, sama ada negatif atau positif, malah turut mempengaruhi fenomena-fenomena alam seperti kilat, pelangi, banjir dan asal usul kehidupan (Zhong Yang, 1976: 44 dan Ellis, B.J.; Bjorklund, D.F., 2004: 413). Dalam segelintir budaya, makhluk *supernatural* diyakini memiliki watak dan perilaku jahat serta boleh mendatangkan bahaya kepada manusia. Sebaliknya, makhluk *supernatural* seperti roh nenek moyang adalah berwatak baik, dipuja dan disembah oleh keturunannya (Richard Cavendish, 1994: 5).

Theresa Bane (2012) dalam bukunya, *Encyclopedia of Demons in World Religions and Cultures* menyenaraikan ratusan nama dan gelaran makhluk *supernatural* yang terdapat dalam pelbagai agama dan budaya di seluruh dunia. Namun, karakter asal mereka adalah berbeza-beza. Segelintir budaya mengaitkannya dengan makhluk jin, syaitan atau *demon* (S. T. Joshi, 2007: 34), malaikat (Barker, Margaret, 2004), semangat alam (Finucane, R. C. 1984), atau roh orang mati yang keluar daripada mayat (Goelet, Ogden, 1998, Legare, C. H, 2012 dan Finucane, R. C. 1984), atau pengamalan *black magic* dan sihir (Hanegraaff, Wouter J. 2006: 718). Makhluk *supernatural* dalam kebudayaan Melayu pula dikenali sebagai hantu, semangat, mambang, orang bunian, jin dan syaitan, jembalang, toyol, pelesit dan sebagainya (Deuraseh, N. 2017: 90 dan Amin, M, 2017: 34-38). Makhluk *supernatural* yang paling dihormati dalam kebanyakan budaya dunia adalah roh nenek moyang (Marinsah, S., & Ramli, M. 2017: 75).

Sifat dan kekuatan adikudrati serta melebihi kudrat manusia yang dimiliki oleh makhluk *supernatural* telah mendorong manusia berusaha untuk mendapatkan manfaat

melalui kaedah interaksi dengan mereka. Ada yang menggunakan khidmat mereka untuk mendapatkan kepentingan peribadi, malah turut mengeksploitasinya bagi tujuan jahat seperti sihir (Hashim Awang A.R. 2007). Manakala pendukung aliran spiritualism meyakini bahawa roh orang mati dapat dihubungi menerusi suatu “medium” dan dapat memberikan informasi tentang dimensi lain atau alam ghaib (Carroll, Bret E, 1997: 248). Hubungan baik dengan makhluk *supernatural* juga dijalinkan dengan melakukan ritual pemujaan semangat alam, bagi mendapatkan hasil pertanian yang baik dan kelapangan rezeki (Hussin, H. 2008, Kok On, L. 2012: 75 dan Tugang, N. 2016: 69). Dalam budaya Melayu pula, individu yang dikaitkan dengan perhubungan antara alam ghaib dan alam nyata dipanggil bomoh, pawang, dukun, bidan, tabib, tok batin, guru silat dan sebagainya (Mohd. Taib Osman. 1977 dan Hussin, H. 2003: 15).

Dari aspek lain, perasaan bimbang dan takut terhadap ancaman daripada makhluk *supernatural* mendorong manusia untuk mendapatkan pendinding dan perlindungan. Maka, tercetusnya amalan pemujaan menerusi ritual tarian (Hussin, H, 2018: 181), alunan muzik (Mohd Yusoff, M.2001: 159) dan penyediaan sajian kepada makhluk *supernatural*, demi menghindari amarah mereka (Hussin, H., & M.C.M, S. 2008). Dalam pada itu, seseorang yang jatuh sakit disebabkan angkara makhluk *supernatural* akan dipulihkan dengan cara perubatan dan rawatan tradisional (A. Samad Ahmad, 1988). Masyarakat Melayu juga terkenal dengan kaedah perubatan tradisional untuk menghindarkan diri daripada gangguan makhluk *supernatural* (Harun Daud, 2001). Selain menggunakan ayat al-Quran, pengamalan perubatan tradisional Melayu juga diserapi dengan serapah dan mantera, yang dipengaruhi oleh animisme, kepercayaan Hindu, serapah dalam bahasa Thai dan Pegu (Nuredang, 2011 dan Deuraseh, N. 2017: 86-87).



Rajah 1: Hubung Kait Dalam Kepercayaan Terhadap Makhluk Supernatural

Ternyata mitologi dan kepercayaan kepada makhluk *supernatural* telah mencetuskan dua tindakan dan persepsi manusia yang berbeza. Pertama, manusia berusaha untuk berinteraksi dan mengambil manfaat daripada kekuatan mereka. Kedua, manusia yang khuatir akan ancaman makhluk *supernatural* dan berusaha melakukan rawatan sekiranya terdapat gangguan daripada mereka. Oleh yang demikian, makalah ini berusaha untuk membuat tinjauan terhadap mitologi tentang makhluk *supernatural* yang ada dalam kalangan etnik-etnik yang menduduki daerah Pitas, Sabah. Pemilihan daerah Pitas sebagai lokasi kajian adalah sebagai suatu sampel, lebih-lebih lagi etnik-etnik di negeri Sabah masih dipengaruhi oleh kepercayaan animisme (Ahmad, F. B, 1995).

Metodologi Kajian

Data kajian ini diperoleh menerusi metode temu bual. Seramai tujuh orang yang terdiri daripada kalangan tokoh-tokoh masyarakat di daerah Pitas, Sabah telah dipilih sebagai informan. Para informan ialah;

Ayu, Sulaiman. (2014, Ogos 10). Suku Orang Sungai, 53 tahun .

Baluk, Kalbin. (2014, September 4). Suku Orang Sungai, 58 tahun .

Harun, Awang Nasran. (2014, September 3). Suku Orang Sungai, Pengerusi PERKIPS Pitas.
Indayah, Mohamad Sari. (2014, Oktober 31). Suku Orang Sungai, Imam Masjid Kg. Taka.

Mayung, Amir. (2014, Ogos 30). Suku Orang Sungai, 76 tahun .

Omolong, Ali Asgar (2014, September 30). Suku Orang Sungai .

Tasin, Abdul Ghafar. (2014, September 27). Suku Orang Sungai, 69 tahun .

Para informan terdiri daripada kalangan etnik Orang Sungai, yang merupakan etnik majoriti di daerah Pitas. Rata-rata etnik Orang Sungai adalah beragama Islam. Beberapa siri temu bual telah dijalankan antara bulan Ogos sehingga Oktober 2014. Etnik-etnik lain yang menjadi penduduk daerah Pitas adalah etnik Bajau, Rungus, Kimaragang, Suluk, Bugis dan lain-lain. Dalam pada itu, soalan yang dikemukakan kepada para informan adalah separa berstruktur. Fokus temu bual adalah tentang jenis-jenis makhluk *supernatural* yang terdapat dalam mitologi etnik-etnik di Pitas, amalan sihir dan *black magic*, dan kaedah-kaedah perlindungan serta cara rawatan daripada ancaman mereka.

Mitologi Tentang Makhluk Supernatural Dalam Kalangan Etnik di Daerah Pitas Sabah

Kepercayaan kepada kewujudan makhluk ghaib atau *supernatural* juga wujud dalam kalangan komuniti daerah Pitas, Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik. Walaupun rata-rata etnik-etnik itu menganut agama Islam, khususnya suku Orang Sungai, Bajau, dan Suluk, namun mereka masih tetap mengekalkan tradisi, budaya, adat resam yang diwarisi sejak turun-temurun. Mereka turut mewarisi

mitologi, cerita-cerita rakyat, dan legenda, dan sebahagiannya menyentuh watak makhluk supernatural .

Menerusi beberapa sesi temu bual bersama para informan, pengkaji merumuskan bahawa terdapat pelbagai jenis dan watak makhluk supernatural yang ditakuti oleh penduduk tempatan. Kepelbagaian makhluk supernatural, watak dan fungsi menjadikan manusia menggelar mereka dengan pelbagai nama dan panggilan. Antaranya ialah:

i. Roh orang mati: Ia boleh diseru oleh pengamal *black magic* melalui ritual tertentu. Roh itu dipercayai hadir, sama ada dengan cara merasuk badan pemuja atau badan orang lain (menurun). Selain bertujuan membalas dendam kepada roh seseorang, roh yang diseru itu juga boleh dipergunakan untuk tujuan menyihir musuhnya. Roh itu dikatakan boleh menyebabkan mangsa jatuh sakit atau meninggal dunia. (Omolong, 2014)

ii. Balan-balan: Hantu yang terkenal dan sentiasa mengganggu kanak-kanak. Dipercayai, ia amat menggemari darah ibu yang baru bersalin. Ia dikaitkan dengan individu yang mengamalkan pemujaan syaitan. Menurut cerita orang tempatan, *balan-balan* dapat berpisah dengan tubuhnya dan terbang mencari darah dan organ manusia, sama ada orang hidup atau orang mati. Menurut Ali Asgar Omolong, *balan-balan* mampu mengetahui seseorang yang meninggal dunia walaupun berada jauh darinya. Dalam pada itu, terdapat doa dan bacaan khusus untuk menghindari gangguan *balan-balan*. Ia akan jatuh tersungkur sama ada dalam bentuk kayu, kain, dan sebagainya. Maka, rohnya tidak dapat kembali semula ke dalam jasad dan kononnya jasad pengamal itu juga akan mati. (Omolong, 2014)

iii. Hantu Bangkit: Ia adalah gelaran kepada roh-roh orang jahat yang dipercayai kembali ke dunia untuk meminta ihsan daripada orang hidup. Masyarakat tempatan

mempercayai bahawa hantu ini boleh dilihat dengan mata kasar. Ia boleh menggunakan rupa wajah orang lain, matanya tenggelam dan cara pertuturannya pula tidak jelas dan tidak difahami. Ali Asgar Omolong menjelaskan bahawa roh itu dipercayai tidak diterima oleh Allah S.W.T di alam Barzakh. Hantu ini kononnya akan berjumpa dengan golongan imam untuk meminta disedekahkan pahala bacaan surah al-Fātiḥah dan istighfar. (Omolong, 2014)

iv. Hantu Kokok: Pada kebiasaannya, ia mengganggu kanak-kanak yang bermain pada waktu senja. Kanak-kanak akan disembunyikan dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Individu yang bermulut celopar dan tidak beradab sewaktu di dalam hutan atau di laut akan mudah diganggu oleh hantu ini. Menurut petua, jika seseorang diganggu oleh hantu *kokok*, dia harus berbogel atau membuka pakaian. Pakaian itu hendaklah dipakai semual secara terbalik. Pengkaji difahamkan bahawa karakter hantu ini seperti nenek tua, berambut putih dan mempunyai mulut besar serta lebar. Apabila seseorang menanggalkan pakaian, kononnya hantu ini akan tertawa dan bibirnya yang besar akan menutup matanya. Justeru, mangsa akan terselamat dan menjumpai jalan untuk pulang.

Pengkaji juga dimaklumkan bahawa pada tahun 2000, dua orang lelaki telah hilang selama seminggu di hutan paya bakau sewaktu mereka mencari lokan. Dikatakan mereka terlalu teruja dengan hasil tangkapan lokan yang banyak dan bercakap besar. Kedua-dua lelaki telah berjalan di sekitar kawasan seluas lima kilometer persegi tanpa menjumpai jalan keluar. Penduduk tempatan dan tentera dikerahkan untuk mencari mereka. Akhir, mangsa dijumpai dan mereka menceritakan bahawa mereka telah menterbalikkan baju. Mereka berjaya keluar melalui Kg. Taka berhampiran Pekan Pitas. (Omolong, 2014)

Dalam pada itu, terdapat individu-individu di daerah Pitas yang memiliki pengetahuan tentang alam ghaib, ilmu kebatinan dan mampu berinteraksi dengan makhluk *supernatural*. Pelbagai jenis sihir, aktiviti *shamanism* dan ritual pemujaan yang dilakukan oleh mereka, antaranya ialah:

i. Saudagar Sumanandar: Sihir ini adalah yang paling digeruni oleh penduduk di sekitar Sungai Bengkoka, Pitas. Sasarannya akan jatuh sakit dan orang yang menyentuhnya juga turut ditimpa penyakit. Apabila kenduri perkahwinan diadakan, pengamal-pengamal sihir ini akan menyasarkan sihirnya kepada pengantin, untuk mempamerkan kehebatan ilmu sihir masing-masing. Aktiviti ini tidak lagi diamalkan sekarang walaupun pengamalnya masih ada. Segelintir warga emas yang berumur sekitar 60 hingga 70 tahun masih lagi memiliki pendinding atau mengamalkan ilmu ini. (Mayung, 2014)

ii. Mencuri Mayat: Ketika menggali kubur, pengamal *black magic* memakai tangkal untuk mengelakkan daripada diserang oleh hantu. Terdapat individu yang mencuri mayat sebelum ia dimandikan dengan menggunakan khidmat jin belaan. Menurut Abdul Ghafar Tasim, jenazah yang dicuri tidak diketahui atau disedari oleh ahli keluarganya. Semasa memandikan jenazah, tubuh yang terbujur itu berbunyi seperti batang pisang apabila disentuh. Menurutnya, ia adalah petanda tubuhnya yang asal telah dicuri untuk dijadikan bahan pemujaan. (Tasin, 2014)

iii. Ilmu Bangkit Tua: Pengamalnya tidak akan kepenatan walaupun setelah melakukan kerja-kerja berat. Apabila ditimpa sakit, pengamalnya akan cepat sembuh dan dia tidak akan mati melainkan telah menyerahkan “khadam” kepada pewaris yang baru. Sebelum mendapatkan “khadam”, pemujaan perlu dilakukan di rumah yang terbiar dan jauh daripada pandangan orang ramai. Jampi serapah dan mantera dibaca sambil menghulurkan tangan di bawah celah-celah lantai. Pemuja akan

memanggil jin untuk bertarung dengannya. Jika dia ditarik dan jatuh tersungkur, maka pemujaannya dianggap telah gagal. Sebaliknya, jika dia berjaya mengalahkan jin, maka dia boleh memohon apa sahaja hajat daripada jin. Lazimnya, orang-orang dahulu meminta kekuatan tubuh badan, kekebalan dan kekayaan. (Omolong, 2014)

iv. Khadam Jin: Penggunaan khidmat jin oleh bomoh-bomoh dalam amalan perubatan tradisional, dengan menghidangkan beberapa talem makanan kepada jin di halaman rumahnya pada siang hari. Orang ramai dan pesakit akan datang pada waktu malam untuk mendapatkan khidmat rawatan atau bertujuan mencari barang yang hilang. Bomoh memulakan upacara dengan membaca mantera atau jampi serapah tertentu untuk memanggil jin. Apabila jin itu datang, ia akan memasuki tubuh bomoh. Jin akan memberitahu sesuatu, sama ada nasihat atau amaran kepada mereka.

Selain itu, jin juga boleh memasuki tubuh bomoh dan boleh meminta jin-jin lain menghadirkan telur berwarna putih kehijauan atau herba untuk proses rawatan. Pengkaji difahamkan bahawa nama-nama jin yang diseru semasa pemujaan adalah berbeza-beza mengikut tempat dan bahasa sesuatu etnik. Antara nama-nama jin yang dimaklumkan kepada pengkaji ialah “Raja-raja”, “Nenek Rembungai”, “Belio Jaman”, anak lelakinya bernama “Sari Gunung Ledang” dan anak perempuan yang cantik bernama “Si Kakaran Matahari”. Jin-jin itu bersilih ganti dalam tubuh bomoh berdasarkan permintaan. (Omolong, 2014)

v. Pemujaan Kubur: Pengamal ilmu hitam mendapatkan kekuatan adikudrati dan barang-barang keramat dengan memuja kubur. Kubur-kubur yang baru menjadi tumpuan utama para pengamal ilmu hitam. Pemujaan mesti dilakukan pada waktu malam dan tidak boleh diketahui oleh sesiapa. Pemuja kubur akan bertapa untuk beberapa

hari sehingga munculnya cahaya yang terang. Dalam tempoh kira-kira 20 minit, pemuja boleh memohon sebarang permintaan seperti kekuatan tubuh badan dan objek sakti seperti tongkat dan batu. Pemujaan mesti dilakukan dengan cermat dan mengikut pantang larang. Sekiranya dia cuai, dia akan menjadi bisu, gila atau bertukar menjadi batu. (Omolong, 2014).

vi. Ilmu Penanggal: Jelmaan pengamal ilmu ini hanya berkepala, terbang dengan membawa organ-organ dalaman dan dapat dilihat oleh mata kasar. Pengamal ilmu hitam ini boleh dikenali dengan tanda kemerahan di sekeliling leher dan matanya sentiasa kemerahan. Pengamalnya dikatakan mempunyai kekuatan luar biasa. Pemujaan dilakukan dengan menghisap darah manusia terutama darah wanita selepas bersalin. Menurut Kalbin Baluk, ilmu ini lazimnya diamalkan oleh kumpulan lanun dan suku Kagayan. Seseorang yang mahu mempelajarinya harus menjadi hamba kepada jin selama lima tahun. Setelah itu, segala kebolehan seperti terbang dan kekuatan tubuh badan bakal diperoleh oleh pengamalnya. Pengamal ilmu ini tidak penat melakukan kerja berat. Walau bagaimanapun, tempias negatifnya adalah rezekinya “panas”. Duit yang diperoleh cepat habis dan tiada keberkatan. (Baluk, 2014)

vii. Kasi Darah: Ritual memohon pertolongan dari makhluk halus ketika berlaku kemarau atau bencana, secara beramai-ramai dengan menyembelih ayam di pohon-pohon kayu yang berpenunggu. Jika kawasan mereka mengalami kemarau panjang, orang ramai di setiap kampung diarahkan keluar beramai-ramai pada hari dan waktu yang telah ditentukan. Mereka membawa makanan terutamanya ayam atau ketupat ke sebatang pokok besar yang dipercayai mempunyai penunggu. Makanan itu dihidangkan kepada mereka yang hadir. Sisa makanan hendaklah ditinggalkan di situ dan tidak boleh dibawa pulang. Dipercayai

hantu yang menjadi penunggu pohon tersebut akan memakannya. Ayam disembelih di pohon tersebut semasa berdoa meminta hujan. (Ayu, 2014).

viii. Sajian Momokan: Sajian tahunan untuk golongan jin penjaga kampung supaya tidak mengganggu anak cucu atau penduduk kampung. Kadangkala sajian *momokan* juga digantung pada sebatang pokok di tepi hutan dan dibiarkan di situ untuk dimakan oleh hantu. Ritual tahunan ini yang masih diamalkan sehingga kini oleh masyarakat Kg. Kiandut dan Kg. Senaja. Jika sajian itu tidak disediakan, penunggu-penunggu itu akan membuat kacau dan mengganggu ketenteraman penduduk setempat.

Upacara ini dikendalikan oleh ketua kampung atau dukun. Sebelum upacara dijalankan, mereka akan menyediakan satu dulang besar yang berisi nasi berwarna-warni, ayam, telur, kuih *penjaram*, rokok, kelapa parut dan sebagainya. Setelah selesai dukun membaca mantera dan menyeru nama-nama makhluk halus itu, sajian itu boleh dimakan oleh para hadirin. Menurut ceritera orang lama, ada percubaan untuk menebang pepohon itu, namun mesin itu serta-merta menjadi rosak, dipercayai kerana penunggu itu telah diganggu. Selain itu, sekiranya sebarang keramaian seperti kenduri bakal dilangsungkan di Kg. Kiandut, seseorang perlu memberitahu “penunggu” supaya tidak terkejut, hairan atau tidak mengganggu orang ramai yang hadir. Upacara ini dihentikan sementara waktu sepanjang bulan Ramadan kerana mereka berpendapat jin dan syaitan telah dirantai. (Harun, 2014) dan (Omolong, 2014).

ix. Memulus: Upacara pemujaan makhluk halus dilakukan apabila seseorang jatuh sakit misteri. (Indayah, 2014)

Perasaan takut dan bimbang akan ancaman daripada makhluk *supernatural* atau sasaran serangan sihir dan *black magic* telah

menyebabkan etnik-etnik di daerah Pitas mengambil langkah-langkah perlindungan dan penjagaan yang bersifat mistik. Antara kaedah-kaedah pencegahan yang dilakukan adalah:

i. Babar-babar: Seseorang yang hendak qada hajat semasa di dalam hutan, tempat-tempat yang sunyi, di padang-padang atau hendak melalui sesuatu kawasan atau pokok besar; dia hendaklah meminta izin terlebih dahulu daripada jin atau “penunggu” yang kononnya mendiami tempat tersebut.

ii. Hidangan: Seekor ayam hidup yang telah dipotong kukunya dan sehidangan makanan khususnya nasi dibawa ke dalam hutan. Bahan-bahan itu ditinggalkan di suatu tempat. Sebelum pulang, dia dikehendaki mengucapkan, “makanan dan ayam ini adalah sebagai ganti, janganlah kamu mengganggu lagi.” (Indayah, 2014).

iii. Ikan puyu (*korok*): Dipercayai boleh menghindari gangguan makhluk *supernatural* dan pendinding daripada sihir atau santau. Ikan ini dipelihara dalam balang atau akuarium dan diletakkan di mana-mana premis perniagaan, sudut rumah, atau restoran, khususnya di bahagian pintu masuk. Dipercayai ikan puyu tidak pernah tidur. Jika ada serangan sihir atau gangguan makhluk halus, ikan itu akan menangkisnya. Ikan *kerok* akan bertindak agresif dan melompat-lompat. (Ayu, 2014)

iv. Kayu-kayan: Beberapa jenis kayu seperti *komborong* (jerangau), *deliwos*, buluh dan sebagainya digantung dalam rumah untuk menghindari gangguan makhluk halus dan mengelakkan wabak penyakit. Misalnya seseorang mesti menyebut, “Minta tabik, tok nenek, anak cucu tak tahu bahasa, nak tumpang kencing”, “Minta ampun tok nenek anak cucu nak tumpang lalu, nak cari rezeki”. Tujuan berbuat demikian adalah supaya penunggu tidak marah. Kononnya jika tidak meminta izin, kemungkinan orang tersebut tidak dapat rezeki sebagaimana

yang dikehendaki, disampuk atau terkena keteguran. Sekiranya seseorang itu meminta izin terlebih dahulu, maka penunggu itu akan menyembunyikan binatang buas dan berbisa daripada menjumpainya. (Indayah, 2014).

v. Burung Murai: Bunyi burung murai pula adalah petanda kewujudan hantu di kawasan itu.

vi. Cermin dan gunting: Meletakkan cermin di pintu atau tingkap rumah dapat menghalau makhluk halus. Setelah seseorang itu meninggal dunia, bomoh atau ahli keluarga akan meletakkan gunting atau jarum, cermin dan benang di atas mayat. Jarum itu akan diselitkan pada kain yang membaluti tubuh badan jenazah. Semua suku dan etnik di daerah Pitas, termasuk Orang Sungai masih lagi mengamalkan tradisi ini. Ia bertujuan supaya jenazah tidak dimasuki syaitan. Tindakan ini juga dipercayai dapat membatalkan refleksi ilmu hitam terhadap jenazah. Pengkaji difahamkan bahawa apabila syaitan yang datang untuk mengganggu jenazah, akan terkejut melihat wajahnya sendiri yang hodoh dan menakutkan, lalu beredar. Dipercayai juga ia adalah helah, supaya syaitan terpedaya kerana menganggap syaitan lain telah merasuk jenazah. Sementara itu, fungsi jarum dan benang juga adalah untuk memisahkan roh daripada jasad. (Ayu, 2014).

Makhluk *Supernatural* Menurut Perspektif Islam

Daripada hasil dan dapatan kajian yang dikemukakan dalam perbincangan terdahulu, sebahagian mitologi dan kepercayaan adalah bertepatan dengan ajaran Islam, dan sebahagian yang lain menyalahi lunas dan ajaran Islam. Malah, percanggahan itu boleh menjerumuskan seseorang itu kepada syirik, khurafat dan tahayul. Justeru, perbincangan pada bahagian ini tertumpu kepada pandangan Islam terhadap entiti makhluk *supernatural*, kewujudannya, watak, sikap terhadap manusia, hukum berinteraksi, dan kaedah perlindungan

daripada ancaman mereka.

Jenis dan karakter makhluk *supernatural* menurut Islam

Dalam Islam, makhluk ghaib atau *supernatural* terbahagi kepada tiga, iaitu malaikat, jin dan roh manusia. Malaikat dicipta daripada cahaya, dan kejadiannya mendahului penciptaan jin dan manusia. Dalam pada itu, al-Quran ada menyebut tentang kewujudan makhluk halus seperti syaitan. Terdapat 216 ayat di dalam al-Quran yang menyebut kewujudan makhluk halus antaranya di dalam surah Al - Baqarah ayat 14, 23, 24, 34, 36, 102, 68, 69, 208, 256, 257, 268 dan 275. Jin, iblis dan syaitan merupakan kelompok yang satu. Cuma, iblis dan syaitan merujuk kepada jin yang derhaka kepada Allah dan memusuhi manusia (Syed Bidin, S. 2011: 112). Ketiga, roh orang mati juga adalah makhluk ghaib. Namun ia tidak mempengaruhi kehidupan manusia setelah ia berpindah ke alam Barzakh (Amin, M, 2017: 38)

Mitologi tentang makhluk *supernatural* di daerah Pitas, Sabah berkait dengan roh orang mati. Menurut kepercayaan, roh orang mati dapat kembali ke dunia untuk melihat ahli keluarga dan menghadiri majlis-majlis kenduri kematian. Sesetengah etnik juga percaya bahawa roh pulang pada malam-malam keraian, seperti awal Ramadan atau malam Hari Raya. *Hantu Bangkit* pula dikaitkan dengan roh yang ingin membalas dendam atas kematiannya. Kepercayaan ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam bahawa roh orang mati tidak dapat kembali ke dunia setelah ke alam barzakh (Amin, M. 2017: 40). Sementara itu, makhluk *supernatural* yang digelar sebagai *balan-balan* atau hantu *kokot* adalah jelmaan daripada syaitan. Menurut Islam, makhluk syaitan boleh berubah kepada pelbagai jelmaan seperti manusia dan haiwan. (Amin, M. 2014).

Hukum menjalankan aktiviti pemujaan jin, sihir, dan ilmu hitam

Berdasarkan al-Quran dan hadith, sihir dan interaksi antara manusia dan syaitan telah berlaku dalam sejarah para nabi, khususnya Nabi Musa A.S (Hj. Ali @ Mat Zin, 2003: 112). Menurut al-Alūsī (1994), hubungan antara manusia dan makhluk *supernatural* khususnya syaitan boleh terlaksana dengan tiga cara, iaitu perkataan atau jampi yang mengandungi unsur-unsur syirik, pujian kepada syaitan, dan perbuatan seperti pemujaan, korban kepada syaitan, serta iktikad dengan menyukai syaitan dan berdamping dengannya. Oleh itu, para ulama bersepakat bahawa penggunaan jin sama ada untuk tujuan sihir atau rawatan adalah kesyirikan. (Ahmad K., 2014: 95).

Hasil temu bual mendapati kesan daripada kepercayaan kepada makhluk *supernatural* telah menyebabkan segelintir individu di daerah Pitas, Sabah terlibat dengan aktiviti paranormal seperti ilmu hitam dan sihir. Antara aktiviti yang dikaitkan dengannya ialah *Saudagar Sumandar*; mencari mayat untuk tujuan pemujaan, *Ilmu Bangkit Tua*, menjadikan jin sebagai khadam, pemujaan kubur, ilmu *Penanggal*, kasi darah sajian *momokan*. Justeru, semua amalan tersebut bercanggah dengan ajaran Islam dan boleh membatalkan Iman pengamalnya.

Kaedah pencegahan sihir, dan gangguan jin

Tindakan manusia mendatangi ahli sihir untuk mendapatkan rawatan terhadap penyakit sihir adalah suatu tindakan yang salah di sisi Islam. Manakala kepercayaan terhadap kuasa bomoh, pawang dan syaitan, juga keyakinan bahawa mereka mengetahui perkara-perkara ghaib atau peristiwa yang bakal berlaku adalah karut semata-mata. (Hj. Ali @ Mat Zin, 2003: 122).

Rasa kluatir dan takut akan ancaman daripada makhluk *supernatural* mendorong etnik-etnik di Pitas mengambil langkah berhati-hati bagi melindungi diri dan keluarga. Apabila ingin memasuki kawasan hutan, mereka meminta

izin atau *babar-babar* daripada penunggu hutan agar tidak diganggu semasa memburu atau mencari hasil hutan. Beberapa jenis kayu juga dipakai atau diletakkan di kawasan kediaman bagi mengelakkan gangguan makhluk halus. Sementara bunyi burung murai dianggap petanda kehadiran makhluk *supernatural* di kawasan itu dan ikan puyu dipercayai dapat menangkis gangguan sihir. Menurut Islam, perbuatan *isti'ānah* (meminta pertolongan) dan *isti'ādhan* (meminta perlindungan) mesti daripada Allah S.W.T, dan permohonan daripada selain-Nya adalah syirik. Manakala tanggapan bahawa haiwan tertentu dapat menghalang sihir atau menjadi petanda kedatangan makhluk halus adalah tahayul dan khurafat.

Kaedah rawatan daripada gangguan makhluk *supernatural*

Bagi tujuan rawatan terhadap penyakit yang berpunca daripada gangguan makhluk *supernatural*, Islam telah memperkenalkan suatu kaedah rawatan yang berasaskan al-Quran dan Sunnah. Ia telah diamalkan semenjak zaman Nabi Muhammad S.A.W dan dikenali dengan perubatan Nabi (Nuradeng, 2011: 383 dan Deuraseh, N. 2017: 83). Antara ayat yang biasa dijadikan sebagai *ruqyah* ialah ayat al-Kursi, surah al-Fatihah, surah al-Ikhlās dan *al-Mua'wwidhatayn* (surah al-Falaq dan surah al-Nas). *Ruqyah* adalah suatu mekanisme perubatan dalam Islam yang berasaskan permohonan daripada Allah S.W.T untuk menyembuhkan penyakit (Syed Bidin, S. 2011 dan Wahbah al-Zuhayli, 1996: 141). Terdapat juga pengamal perubatan Islam yang menggunakan rawatan fizikal, di samping menggunakan tumbuhan, herba, galian, dan terapi herba sebagai bahan rawatan (Ahmad, K. 2014: 72).

Data yang diperoleh daripada sesi temu bual menunjukkan etnik-etnik di daerah Pitas turut mengamalkan *ruqyah* atau jampi. Segelintir bomoh mengamalkan *memulus* iaitu amalan pemujaan makhluk *supernatural* bagi tujuan rawatan, khususnya yang berkaitan gangguan mental. Menurut pendapat ulama, hukum

merawat sihir dengan menggunakan sihir iaitu *al-nushrah* adalah haram. (Ahmad, Khadher, 2011: 132 dan Rafiq, E., 2015: 30).

Kesimpulan

Tulisan ini telah memaparkan contoh mitologi yang terdapat dalam kalangan etnik-etnik peribumi di daerah Pitas, Sabah, berkaitan dengan makhluk *supernatural*. Kesan daripada mitologi dan kepercayaan berkenaan menjadikan segelintir anggota masyarakat terlibat dengan pemujaan makhluk *supernatural*, sementara kelompok yang lain berusaha melindungi diri daripada angkara kejahatan mereka. Sebagai rumusan, karakter dan jenis makhluk *supernatural* dalam kalangan mereka pada asasnya adalah syaitan. Gelaran hantu merujuk kepada kepelbagaian watak dan sikap terhadap manusia. Manakala aktiviti pemujaan syaitan adalah suatu syirik besar dan penggunaan kaedah pencegahan dan rawatan sihir yang tidak berlandaskan syarak adalah khurafat dan tahayul semata-mata. Justeru itu, para pendakwah, golongan agama, pihak jabatan agama perlu berusaha dan bersinergi untuk memurnikan akidah penduduk di daerah Pitas, dan negeri Sabah amnya, berkaitan alam ghaib. Oleh itu, disarankan agar kajian lanjutan perlu diteruskan terhadap susuk kepercayaan yang wujud dalam masyarakat, seterusnya disempurnakan dengan pembangunan modul dan mekanisme bersepadu ke arah pemurnian akidah.

Rujukan

A. Hamid Arshat, Rosliah Harun, Shafiee Khatib Jali. 1991. Doa-doa Orang Sakit dan Mendapatkan Zuriat. Kuala Lumpur: Syarikat S. Abdul Majeed.

A. Samad Ahmad. 1988. Warisan Perubatan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Abdul 'Aziz 'Ismail (2011). Rahsia Makhluk Halus. Kuala Lumpur: AlHidayah Publications.

- Abdul Aziz Ismail. 2007. *Perubatan Mengikut al-Qur'an dan Sunah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Ahmad, F. B., & Holdsworth, D. K. (1995). *Traditional Medicinal Plants Of Sabah, Malaysia Part III. The Rungus People Of Kudat*. *International Journal of Pharmacognosy*, 33(3), 262-264.
- Ahmad, K., Md Ariffin, M., & Suliaman, I. (2014). *Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia Analisis Terhadap Latar Belakang Pengasas dan Isu Penggunaan Jin dalam Rawatan*. *Jurnal Usuluddin*, 40, 71-98.
- Ahmad, Khadher & Suliaman, Ishak. (2011). *Realiti Dan Cabaran Dalam Rawatan Islam: Analisis Hadith- Hadith Tentang Pendekatan Dan Kaedah Rawatan Nabi SAW* *Jurnal Merawat Penyakit Sihir*. *Prosiding Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*
- Ainal Marhaton Abd Ghani. 2008. *Serangan Emosi atau Makhluk Halus*. Dlm. *Berita Harian*. 8 September.
- Al-Alusi, Shih'ab al-bl al-Sayyid Mahniud (1994), *Ruh al-Ma 'ani*, juz. 1, Beirut- Dar alFikr, h. 534
- al-Attas, Syed Muhammad Naguib. 1972. *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali Zulfakar. 1989. *Hikmat Ayatul Kursi*. Pulau Pinang: Percetakan Nahdi. al-Sabuni, Muhammad 'Ali. 1981. *Safwat al-Tafasir*. Jil. 20. Bayrut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- Alwi Mohd Yunus. 1997. *Memahami Ciri-ciri Perubatan Islam*. Dlm. Alwi Mohd Yunus (pnyt.). *Islam dan Perubatan..* Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Amin, M. Z. M., & Al-Hadith, J. A. Q. D. (2014). *Jin menurut perspektif Sunnah dan budaya Melayu: analisis kesan kepercayaan dalam kalangan remaja* (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Amin, M., Suliaman, I., Salaeh, H., Ibrahim, M., & Nor, A. (2017). *The Belief In Hantu In The Malay Culture From The Perspective Of Islam*. *Online Journal Of Research In Islamic Studies*, 1(1), 31-48.
- Amran Kasimin. 1995. *Santau dan Kaedah Rawatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azahari Ibrahim. 2001. *Ubat-ubatan Tradisional Melayu Doa-doa Penawar Penyakit Rahsia*
- Barker, Margaret (2004). *An Extraordinary Gathering of Angels*, M Q Publications.
- Carroll, Bret E. (1997). *Spiritualism in Antebellum America. (Religion in North America.)*. Bloomington: Indiana University Press. p. 248.
- Danial Zainal Abidin. 2003. *Perubatan Islam Dan Bukti Sains Moden*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Deuraseh, N. (2017). *Transformasi Amalan Perubatan Tradisional Melayu Perspektif Rukyah*. *Jurnal Peradaban*, 3, 83-98.
- Ellis, B.J.; Bjorklund, D.F. (2004). [Origins of the Social Mind: Evolutionary Psychology and Child Development](#). Guilford Publications. p. 413.
- Finucane, R. C. (1984). *Appearances of the Dead: A Cultural History of Ghosts*, Prometheus Books,
- Geerts, Clifford. (1986). "Agama di Jawa: Pertentangan dan Perpaduan", dalam Roland Robertson (ed.). *Sosiologi Agama*. Tanpa Tempat Terbit: Aksara Persada.

- Goelet, Ogden (1998). *A Commentary on the Corpus of Literature and Tradition which constitutes the Book of Going Forth By Day*. San Francisco: Chronicle Books. pp. 139–170.
- Haliza Mohd. Riji. 2005. *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hanegraaff, Wouter J. (2006). *Dictionary of Gnosis & Western Esotericism (Unabridged ed.)*. Leiden: Brill. p. 718.
- Haron Daud. 2001. *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Haron Daud. 2004. *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Haron Din & Ishak Din. 2006. *Doa-Doa Pilihan dari al-Qur'an dan al-Hadith*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Hashim Awang A.R. 2007. *Bomoh di Kelantan: Dahulu dan Sekarang*. Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Zahir Ahmad (pnyt.). *Kelantan: Dahulu dan Sekarang*. Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Hj. Ali @ Mat Zin, A., & Hj Mohd Yusoff, M. (2003). *Sejarah Amalan Sihir di Zaman Para Nabi Menurut Sumber Tafsir dan Hadith*. *Jurnal Usuluddin*, 18, 111-122.
- Hussin, H. (2003). *Bobohizan dan peranannya di kalangan masyarakat Kadazan daerah Penampang, Sabah*. *JATI - Journal Of Southeast Asian Studies*, 8, 15-40.
- Hussin, H. (2008). *Performing Rice Farming Rituals By Penampang Kadazan Of East Malaysia: Between Sacred Ritual And Secular Performance*. *Jati - Journal Of Southeast Asian Studies*, 13, 173-190.
- Hussin, H., & M.C.M, S. (2008). *Dancing With The Ghosts Of The Sea: Experiencing The Pagkanduli Ritual Of The Sama Dilaut (Bajau Laut) In Sikulan, Tawi-Tawi, Southern Philippines*. *Jati - Journal Of Southeast Asian Studies*, 13, 159-172.
- Hussin, H., John Baptist, J., & -Kitingan, J. (2018). *Enriching The Soundscape And Dancescape Of Sabah Through Sumazau*. *JATI - Journal Of Southeast Asian Studies*, 23(2), 181-204.
- Hussin, H., John Baptist, J., & -Kitingan, J. (2018). *Enriching The Soundscape And Dancescape Of Sabah Through Sumazau*. *Jati - Journal Of Southeast Asian Studies*, 23(2), 181-204.
- Ibn al-Qayyim. 1985. *al-Tibb al-Nabawi. Shu'aib alArna'ut & 'Abd al-Qadir al-Arna'ut (pnyt.)*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn al-Qayyim. t.th. *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad. Shu'ayb al-Arna'ut & 'Abd al-Qadir alArna'ut. 5 Jil*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Jahid Sidek (2004). *Berpawang dan Bersahabat dengan Jin dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Khadher Ahmad, et.al. *Seni Perubatan Alternatif di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan*. *Global Journal AlThaqafah (GJAT)*, vol.4. Perak: Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 2013.
- Kirk, G.S (1973). *Myth: Its Meaning and Functions in Ancient and Other Cultures*. Berkeley: Cambridge University Press.
- Kirk, G.S. (1984). "On Defining Myths". *Sacred Narrative: Readings in the Theory of Myth*. Ed. Alan Dundes. Berkeley: University of California Press, 53-61.

- Kok On, L. (2012). Belief In Bambarayon (Paddy Spirits) Among The Kadazandusun Of North Borneo. *Borneo Research Journal*, 6, 75-101
- Legare, C. H., Evans, E. M., Rosengren, K. S., & Harris, P. L. (2012). The Coexistence Of Natural And Supernatural Explanations Across Cultures And Development. *Child Development*, 83(3), 779-793.
- Marinsah, S., & Ramli, M. (2017). Amalan Tradisi Magombo' Dalam Masyarakat Bajau Di Semporna Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya Dan Perspektif Hukum Islam. *Borneo Research Journal*, 11, 72-86.
- Mat Yusoff Kassim. 1975. Konsep Hantu Dalam Masyarakat Melayu Kampung Sungai (Kelantan) dan Cara-Cara Perubatan Tradisional Yang Berkaitan Dengannya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- McHugh, J.N. 1959. Hantu-hantu: An Account Of Ghost Belief In Modern Malaya. Singapura: Singapore Eastern Universities Press.
- Mohd Yaakub Mohd Yunus. 2008. Pakai Tangkal Cemar Kemurnian Tauhid dalam Berita Harian. 21 Julai.
- Mohd Yusoff, M. (2001). Muzik Dan Ritual Dalam Masyarakat Cam Di Vietnam. *Jati - Journal Of Southeast Asian Studies*, 6, 159-171.
- Mohd. Taib Osman. 1977. Perbomohan: Satu Aspek World-View Dalam Kebudayaan Melayu. Dlm. Zainal Kling (pnyt.). *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi Dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd. Taib Osman. 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. 1989. *Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nurdeng Deuraseh dan Hayati Lateh (2011), "Rukyah (Jampi) dalam Perubatan Tradisional Melayu sebagai Rawatan Penyakit, Pencegahan, Pendinging Diri dan Harta: Sumbangan Ilmuwan Nusantara," *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*,
- Partridge, Kenneth (2009). *The paranormal*. ISBN 9780824210922. Retrieved July 26, 2010.
- Rafiq, E., Junoh, H., Nizar, T. J., & Jidi, K. M. (2015). Simptom Mimpi Histeria Rasukan Jin Dalam Perspektif Pesakit, Perawat Dan Hadis UMRAN-*International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2(2).
- Razali, S. M., Khan, U. A., & Hasanah, C. I. (1996). Belief In Supernatural Causes Of Mental Illness Among Malay Patients: Impact On Treatment. *Acta Psychiatrica Scandinavica*, 94(4), 229-233.
- Richard Cavendish (1994) *The World of Ghosts and the Supernatural*. Waymark Publications, Basingstoke:
- S. T. Joshi (2007). *Icons of Horror and the Supernatural: An Encyclopedia of Our Worst Nightmares*, Band Greenwood Publishing Group
- Simpson, Michael. (1976). Introduction. *Apollodorus. Gods and Heroes of the Greeks*. Trans. Michael Simpson. Amherst: University of Massachusetts Press, 1-9.
- Syed Bidin, S. (2011). Ayat-ayat Al-Quran Sebagai Terapi Kerasukan Jin: Analisis Dari Ayat-ayat Ruqyah Syar'iyah. *QURANICA - International Journal Of Quranic Research*, 1(1), 107-138.
- Theresa Bane (2012). *Encyclopedia of Demons in World Religions and Cultures*. Amerika Syarikat: McFarland and Company.

- Tugang, N. (2016). Nakar: Ritual Peralihan Status Penenun Pua Iban. *Borneo Research Journal*, 10, 68-92.
- Wahbah al-Zuhayli, al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj, juz. 15, Beirut: Dar al-Fikr, 1996, h. 141
- Werner, Roland. 1986. *Bomoh-Poyang: Traditional Medicine and Ceremonial Art of the Aborigines of Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Werner, Roland. 1993. *Transcultural Healing: The Whole Human*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya.
- Werner, Roland. 2002. *Royal Healer*. Kuala Lumpur: University of Malay.
- Wilkinson, R.J. Papers On Malay Customs And Beliefs dalam *Journal Of Malayan Branch Royal Asiatic Society*. 30, 1957, 1-87.
- Zainal Kling (pnyt.). 1977. *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi Dan Perubahan*. Kualan Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Zainal Kling. 1989. Asas Ketuhanan Dalam Pemikiran Sosio-Politik Melayu. Dlm. *Jurnal Budaya (Kajian Interdisiplin Tentang Alam Melayu)*. 1 Disember.
- Zhong Yang Yan Jiu Yuan; Min Tsu Hsüeh Yen Chiu So (1976). *Bulletin of the Institute of Ethnology, Academia Sinica*, Issues 42–44.
- Senarai Informan
- Ayu, Sulaiman. (2014, Ogos 10). Suku Orang Sungai, 53 tahun. Pengerusi PIBG SK Kusilad, Pitas.
- Baluk, Kalbin. (2014, September 4). Suku Orang Sungai, 58 tahun. Ketua Kg. Bawang, Pitas.
- Harun, Awang Nasran. (2014, September 3). Suku Orang Sungai, Pengerusi PERKIPS Cawangan Pitas.
- Indayah, Mohamad Sari. (2014, Oktober 31). Suku Orang Sungai, Imam Masjid Kg. Taka .
- Mayung, Amir (2014, Ogos 30). Suku Orang Sungai, 76 tahun. Bekas Ketua Kg. Kusilad, Pitas.
- Omolong, Ali Asgar (2014, September 30). Suku Orang Sungai. AJK Masjid al-Amin (Masjid Daerah Pitas)
- Tasin, Abdul Ghafar. (2014, September 27). Suku Orang Sungai, 69 tahun. Imam Masjid Kg. Sinasak.

